

## Kurangkan birokrasi bantu rancakkan sektor peniaga kecil



Saifuddin (lima dari kiri) dan Mukhriz (enam dari kanan) bergambar bersama penerima anugerah sempena sambutan Hari Penjaja Dan Peniaga Kecil (HPPK) 2019 peringkat kebangsaan semalam.

**ALOR SETAR** - Satu pekeliling akan dikeluarkan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) setiap negeri untuk mengurangkan kerenah birokrasi dalam merancang perniagaan penjaja dan peniaga kecil di negara ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, pekeliling itu dikeluarkan hasil perbincangan bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam me-

lengkapkan rantaian perkhidmatan melibatkan agensi bawah kementerian berkenaan.

Menurutnya, ia boleh dijadikan panduan bagi melancarkan urusan memandangkan setiap PBT mempunyai peraturan yang berbeza.

“Maklum balas yang diterima positif, ada PBT sanggup keluarkan dana sehingga RM700,000 untuk siapkan tapak penjaja dan sebagainya tetapi ada PBT berdepan kekangan kewangan namun

bersedia permudahkan proses dan mengurangkan birokrasi,” katanya pada sidang akhbar selepas program sambutan Hari Penjaja dan Peniaga Kecil (HPPK) 2019 peringkat kebangsaan yang dirasmikan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir di pekarangan Stadium Darul Aman semalam.

Menurutnya, berdasarkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebanyak 1.5 juta mendaftarkan perniagaan bagi sektor peniaga kecil dalam negara.



*Ayuh....  
Sokong & Beli*

Produk Malaysia hebat,  
setaraf jenama antarabangsa!

**KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA**

**#barangbaikbarangkita**

 [www.kpdnhep.gov.my](http://www.kpdnhep.gov.my)
 [mykpdnhep](https://www.facebook.com/mykpdnhep)
 [@mykpdnhep](https://twitter.com/mykpdnhep)
 [kpdnhep](https://www.instagram.com/kpdnhep)



**Sinar**  
Penerbitan

HARI : ..  
 TARIKH : 1/12/2019  
 M/SURAT : 1  
 AHAD



Saifuddin (kanan) dan Mukhriz (kiri) ketika meninjau kedai runcit bergerak yang mengambil bahagian dalam sambutan Hari Penjaja Dan Peniaga Kecil (HPPK) 2019, di pekarangan Stadium Darul Aman.

Saifuddin berkata, perbincangan lanjut juga akan diadakan bersama syarikat petrol, pemilik stesen minyak serta persatuan pengguna sebelum melaksanakan mekanisme yang tepat.

"Penentuan harga petrol di pam ditentukan mekanisme harga automatik iaitu harga minyak mentah dunia, kos operasi, keuntungan syarikat dan banyak faktor lain. Banyak angkuabah yang tidak membolehkan kita sebut secara tepat berapa sen kenaikan kerana harganya berubah setiap minggu," katanya.

Menurutnya, cadangan kenaikan 1 sen seminggu itu hanyalah sebahagian idea untuk dibincangkan bagi mengenal pasti mekanisme harga.

"Kita memang ada bajet untuk itu, kenaikan (1 sen seminggu) itu bukan untuk tampung Program Subsidi Petrol (PSP)," katanya.

Terdahulu, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Chong Chieng Jen berkata, kerajaan akan mengapungkan harga petrol secara berperingkat sebanyak 1 sen seminggu sebaik sahaja PSP dilaksanakan Januari ini.

Katanya, kementerian memutuskan menaikkan harga bahan api itu sehingga harga petrol RON95 mencapai harga pasaran.

**Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/59797/BERITA/Nasional/Simulasi-kesan-kenaikan-harga-petrol-dibentang-cari-mekanisme-terbaik>**

© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangkrif

## Kurangkan birokrasi bantu rancakkan sektor peniaga kecil

ROSLINDA HASHIM | | 30 November 2019



Saifuddin (lima dari kiri) dan Mukhriz (enam dari kanan) bergambar bersama penerima anugerah sempena sambutan Hari Penjaja Dan Peniaga Kecil (HPPK) 2019 peringkat kebangsaan di pekarangan Stadium Darul Aman.

AA

**ALOR SETAR** - Satu pekeliling akan dikeluarkan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) setiap negeri untuk memudahcara serta mengurangkan kerenah birokrasi dalam merancakkan perniagaan penjaja dan peniaga kecil di negara ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, pekililing itu dikeluarkan hasil perbincangan bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam melengkapkan rantaian perkhidmatan melibatkan agensi bawah kementerian berkenaan.

Menurutnya, ia boleh dijadikan panduan bagi melancarkan urusan memandangkan setiap PBT mempunyai peraturan yang berbeza.

"Maklum balas yang diterima positif, ada PBT sanggup keluarkan dana sehingga RM700,000 untuk siapkan tapak penjaja dan sebagainya tetapi ada PBT berdepan kekangan kewangan namun bersedia memudahkan proses dan mengurangkan birokrasi," katanya pada sidang akhbar selepas program sambutan Hari Penjaja dan Peniaga Kecil (HPPK) 2019 peringkat kebangsaan yang dirasmikan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir di pekarangan Stadium Darul Aman semalam.

Saifuddin berkata, pelesenan penjaja dan peniaga kecil turut berkait dengan agensi lain seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat dari aspek keselamatan, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi kelulusan reka bentuk dan beberapa agensi lain.

"Apabila ada garis panduan, dapat memudahkan urusan kelulusan lesen kepada peniaga, mungkin sebelum ini ada sedikit kesulitan namun saya yakin boleh ditangani dengan baik kerana ia bukan polisi tetapi berkaitan pentadbiran," katanya.

Menurutnya, berdasarkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebanyak 1.5 juta mendaftarkan perniagaan bagi sektor peniaga kecil dalam negara.

"Saya percaya masih ramai belum daftar. Saya harap individu yang mahu memulakan perniagaan agar daftar perniagaan terlebih dahulu untuk kelancaran urusan.

"Kita wujudkan Majlis Perundingan Penjaja dan Peniaga Kecil terdiri daripada pemimpin persatuan bawah tanggungjawab Exco berkaitan, untuk mengurus hal berkaitan penjaja dan peniaga kecil dari aspek pelesenan, tapak, premis perniagaan, pinjaman serta latihan," katanya.

Saifuddin berkata, pihaknya turut bercadang mewujudkan kembali anugerah penjaja pelbagai kategori pada tahun hadapan selepas ia dihentikan pada 2014.

"Anugerah ini kelak akan beri lebih dorongan kepada penjaja selain penghargaan kepada mereka merencanakan sektor ekonomi negara," katanya.

Katanya, antara inisiatif SSM menggalakkan pendaftaran perniagaan kepada usahawan muda adalah dengan memperkenalkan pelbagai kempen termasuk memansuhkan yuran pendaftaran bawah peruntukan RM10 juta.

"Kempen ini telah digerakkan dan akan diperhebatkan lagi pada tahun depan. Ini antara inisiatif kementerian melalui SSM untuk galakkan pendaftaran kalangan usahawan," katanya.

**Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/59810/BERITA/Nasional/Kurangkan-birokrasi-bantu-rancarkan-sektor-peniaga-kecil>**

**© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangraf**